

Pelan Pemulihan Negara (22 Jun 2021) Berita Harian, p. 4

Lima negeri dijangka capai 80 peratus divaksin Ogos

Keyakinan selaras pertambahan bekalan diterima bulan ini, Julai

Oleh Alzahrin Alias
dan Ahmad Suhail Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program vaksinasi di Selangor, Kuala Lumpur, Sarawak, Putrajaya dan Labuan dijadualkan mencecah sekurang-kurangnya 80 peratus populasi dewasa menjelang Fasa Kedua Pelan Pemulihan Negara, Ogos depan.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, berkata keyakinan itu selaras dengan pertambahan jumlah bekalan vaksin COVID-19 yang diterima negara pada bulan ini dan bulan depan, selain peningkatan kapasiti pemberian suntikan harian di lima negeri dan wilayah berkenaan.

Dengan peningkatan bekalan itu, katanya, semua negeri dapat meningkatkan kapasiti pemberian vaksin harian, sekali gus membolehkan sasaran vaksin 80 peratus populasi negara dicapai lebih awal daripada garis masa ditetapkan dalam Pelan Pemulihan Negara.

"Berdasarkan sasaran kadar suntikan ditetapkan di setiap negeri, Selangor dijangka selesai memvaksin lebih 5.2 juta populasi dewasa sebelum September, begitu juga Kuala Lumpur (1.4 juta), Sarawak (2.24 juta) dan Putrajaya (90,010).

"Kapasiti suntikan harian Sa-

rawak kini hampir 50,000 sehari kerana bekalan vaksin ke negeri itu ditingkatkan supaya vaksinasi diselesaikan menjelang akhir Ogos, bagi membolehkan kerajaan negeri mengadakan Pilihan Raya Negeri (PRN), sekiranya diputuskan demikian.

"Pemberian vaksin di Labuan membabitkan 72,400 populasi dewasa, dijangka selesai paling awal, iaitu sekitar pertengahan Julai kerana kewujudan penularan varian Delta di sana," katanya pada sidang media Pelan Pemulihan Negara secara hibrid di Putrajaya, semalam.

Berdasarkan data ditunjukkan, Johor dan Pulau Pinang disasarkan menyelesaikan PICK pada Fasa Ketiga Pelan Pemulihan Negara iaitu sekitar Oktober depan, manakala lapan negeri lain dijadualkan selesai pada Fasa Keempat pada November/Disember.

Bagaimanapun, Khairy yakin sasaran untuk memvaksin 80 peratus populasi penduduk di seluruh negara mampu dicapai sebelum Disember, berdasarkan peningkatan bekalan vaksin dijadualkan diterima bulan depan dan Ogos.

"Kita dijangka menerima 12.8 juta dos vaksin pada Julai dan 14.4 juta dos pada Ogos. Ini mengikut perjanjian dan jaminan diberikan pembekal vaksin," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kapasiti pemberian vaksin COVID-19 Malaysia disasarkan mencecah 400,000 dos sehari pada Ogos depan, selaras peningkatan jumlah bekalan vaksin yang dijadualkan diterima bermula bulan depan.

Malaysia dijadualkan menerima 12.8 juta dos vaksin bulan depan dan 14.4 juta dos pada Ogos.

"Kita sasarkan 200,000 dos sehari pada Julai, namun pada 15

Jun lalu, kita sudah berjaya mencapai sasaran itu untuk tiga hari berturut-turut dan purata pemberian vaksin pada bulan ini akan lebih 150,000 sehari.

"Ini akan ditingkatkan pada Julai dengan sasaran kapasiti maksimum 300,000 dos sehari, sebelum ditingkatkan lagi ke kapasiti maksimum 400,000 dos sehari pada Ogos," katanya.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata kapasiti pemberian vaksin harian di negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang ditingkatkan sebelum ketibaan musim tengkujuh.

Sementara itu, beliau berkata, fasa ketiga PICK membabitkan pemberian vaksin kepada 13.7 juta penduduk, bermula secara rasmi di Lembah Klang hari ini.

"Saya putuskan untuk mempercepatkan pelaksanaan fasa ketiga bermula esok (hari ini) di

Kita dijangka menerima 12.8 juta dos vaksin pada Julai dan 14.4 juta dos pada Ogos. Ini mengikut perjanjian dan jaminan diberi pembekal vaksin

Khairy Jamaluddin,
Menteri
Penyelaras PICK



pusat pemberian vaksin (PPV) mega Stadium Bukit Jalil.

Khairy berkata, pelaksanaan fasa tiga akan memberi keutamaan kepada individu yang sudah mendaftar seawal 23 Februari lalu, berasaskan konsep *first come, first serve*.

Berhubung penurunan kapasiti suntikan harian pada hujung minggu, Khairy menjelaskan ia berlaku kerana ada PPV berehat satu hari, sama ada Jumaat, Sabtu atau Ahad sebagai hari cuti.

Garis masa vaksinasi bagi populasi dewasa

Pelaksanaan di peringkat negeri

